

**CIRI-CIRI YANG MEMPENGARUHI PELATIH ALIRAN KEMAHIRAN  
UNTUK MENJADI SEORANG USAHAWAN : SATU TINJAUAN DI  
INSTITUT KEMAHIRAN MARA LUMUT, MANJUNG PERAK**

**SITI AZLIYA BINTI ISMAIL**

**Tesis ini dikemukakan  
Sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**FEBRUARI, 2003**

*Khas untuk ibu tercinta (Zahleha Gani), abah tersayang (Ismail Ahmad)  
yang sentiasa mendoakan kebahagiaan dan kejayaanku.....*

*Buat tunang yang dikasih:*

*Azman bin Kassim*

*Serta:*

*Along sekeluarga, Kak Ngah sekeluarga dan Awa*

*Juga untuk C Pahi, Lityana ..... Salam sayang untuk semua. Semoga pengorbanan dan keikhlasan kalian akan mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t. di dunia dan di akhirat.*

## PENGHARGAAN

### **“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”**

Syukur alhamdulillah dengan limpah kurnianya, dapatlah projek sarjana ini disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pada kesempatan ini, penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada Tn. Hj. Mohd Yusop bin Ab.Hadi selaku penyelia projek. Semoga segala bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan dorongan akan mendapat ganjaran dariNya.

Penghargaan juga ditujukan kepada pembimbing, Dr Wan Rashid bin Wan Ahmad dan kepada Dr. Jailani bin Mohd Yunus, pensyarah-pensyarah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, serta pengetua Institut Kemahiran Mara, Lumut Manjung Perak Encik Wan Sabri Wan Ahmad.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan yang membantu dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak dalam penyediaan laporan ini. HANYA ALLAH S.W.T. SAHAJA YANG DAPAT MEMBALAS JASA KALIAN.

*Siti Azliya Ismail*

2003

## ABSTRAK

Kajian ini berjudul “Ciri-ciri yang Mempengaruhi Pelatih Aliran Kemahiran Untuk Menjadi Seorang Usahawan : Satu Tinjauan di Institut Kemahiran Mara Lumut, Manjung Perak. Tujuan kajian ini ialah untuk menilai sejauhmana tahap ciri-ciri usahawan di kalangan pelatih IKM untuk menjadi seorang usahawan daripada lima aspek ciri-ciri usahawan iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran merancang dan mentadbir, bermotivasi dan ilmu dalam bidang keusahawanan. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Instrumen yang digunakan di dalam kajian adalah borang soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 48 orang pelatih semester akhir kursus Kejuruteraan Awam (Bangunan). Data-data kajian dianalisa dengan menggunakan program SPSS Versi 11.0 *for windows* dan dianalisis daripada soal selidik ke dalam bentuk min dan frekuensi. Keseluruhan hasil kajian menunjukkan bahawa pelatih-pelatih mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang tinggi berdasarkan skor min keseluruhan (skor min = 4.06). Akhir sekali, pengkaji mencadangkan agar diwujudkan satu senarai semak yang boleh digunakan sebagai kriteria untuk menilai sama ada terdapat ciri-ciri usahawan di kalangan pelatih dan dicadangkan supaya kajian ini dilanjutkan ke seluruh Pusat Latihan Kemahiran yang lain di Malaysia.

## ABSTRACT

This report presents a survey study conducted at Mara Institute of Skills (IKM) Lumut, Manjung Perak entitled “The Criteria’s That Influence Trainers Towards The Career of Entrepreneurship.” The purpose of this study is to survey the level of criteria’s of IKM trainers towards the career of entrepreneurship based on communication skills, thinking skills, administration skills, motivation and entrepreneurship knowledge. A set of questionnaire is use to get the information on this study. Samples of this study comes from 48 respondent of final semester in Civil Engineering (Building) course. The data was analyzed in the form of mean and frequencies using the SPSS 11.00 *for windows*. The finding showed that the level of communication skills, thinking skills, administration skills, motivation and entrepreneurship knowledge were at the high level. As a whole, the level of criteria’s of IKM trainers towards the career of entrepreneurship was high (mean score = 4.06). The researcher suggests that one check list were used to evaluate the criteria’s of entrepreneurship among the trainers and also to continue this research to all Skills Training Centre in Malaysia.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1

1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Skop Kajian	7
1.7	Kerangka Teori Kajian	8
1.8	Kepentingan Kajian	9
1.9	Batasan Kajian	10
1.10	Definisi Istilah	11

## **BAB II      SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Ciri-ciri Usahawan	12
	2.2.1 Kemahiran Berkomunikasi	15
	2.2.2 Kemahiran Berfikir	16
	2.2.3 Kemahiran Merancang dan Mentadbir	17
	2.2.4 Bermotivasi	18
	2.2.5 Berilmu	20
2.3	Usahawan dan Keusahawanan	23
2.4	Kelebihan Menjadi Usahawan	24
2.5	Keusahawanan Sebagai Satu Kerjaya	25
2.6	Kesimpulan	27



### **BAB III      METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	28
3.2	Rekabentuk Kajian	28
3.3	Persampelan Kajian	29
3.4	Pengumpulan Data	30
3.5	Instrumentasi Kajian	30
3.5.1	Borang Soal Selidik	30
3.5.2	Kajian Rintis	32
3.6	Kaedah Analisis Data	33
3.7	Andaian	34

### **BAB IV      ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	35
4.2	Prosedur yang Digunakan Untuk Menganalisis Data	36
4.3	Analisis Data	38
4.3.1	Persoalan Kajian 1 : Sejauhmanakah Tahap Kemahiran Berkomunikasi yang Dimiliki Oleh Pelatih IKM?	38
4.3.2	Persoalan Kajian 2: Sejauhmanakah Tahap Kemahiran	



	Berfikir yang Dimiliki Oleh Pelatih IKM?	44
4.3.3	Persoalan Kajian 3: Sejauhmanakah Tahap Kemahiran Merancang dan Mentadbir yang Dimiliki Oleh Pelatih IKM?	50
4.3.4	Persoalan Kajian 4: Sejauhmanakah Tahap Motivasi yang Dimiliki Oleh Pelatih IKM?	55
4.3.5	Persoalan Kajian 5: Sejauhmanakah Tahap Ilmu Dalam Bidang Keusahawanan yang Dimiliki Oleh Pelatih IKM?	60
4.3.6	Persoalan Kajian 6: Sejauhmanakah Pelatih Mempunyai Ciri-ciri yang Mempengaruhi Mereka Untuk Menjadi Seorang Usahawan?	63
4.4	Rumusan Dapatan Kajian	64

## **BAB V            PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	65
5.2	Perbincangan	65
5.2.1	Sejauhmanakah Tahap Kemahiran	

	Berkomunikasi yang Dimiliki Oleh Pelatih IKM?	66
5.2.2	Sejauhmanakah Tahap Kemahiran Berfikir yang Dimiliki Oleh Pelatih IKM?	67
5.2.3	Sejauhmanakah Tahap Kemahiran Merancang dan Mentadbir yang Dimiliki Oleh Pelatih IKM?	68
5.2.4	Sejauhmanakah Tahap Motivasi yang Dimiliki Oleh Pelatih IM?	69
5.2.5	Sejauhmanakah Tahap Ilmu Dalam Bidang Keusahawanan yang Dimiliki Oleh Pelatih IKM?	71
5.2.6	Sejauhmanakah Pelatih Mempunyai Ciri-ciri yang Mempengaruhi Mereka Untuk Menjadi Seorang Usahawan	72
5.3	Kesimpulan	72
5.4	Cadangan	74
5.4.1	Pihak Institusi	74
5.4.2	Pelajar	75
5.4.3	Kajian di Masa Hadapan.	75



**BAB VI REKABENTUK PRODUK**

6.1	Pengenalan	76
6.2	Latar Belakang Produk	77
6.3	Rekabentuk Produk	77
6.4	Kronologi Penghasilan Produk	78
6.4	Kos Penghasilan Produk	79
6.5	Kelebihan dan Kekurangan Produk	80
6.6	Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	81
6.7	Rumusan	81

**RUJUKAN**

82

**LAMPIRAN**

86



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pembahagian Item Berdasarkan Bahagian	31
3.2	Skala Likert	31
3.2	Pekali Kebolehpercayaan	33
4.1	Bilangan Item Mengikut Bahagian	36
4.2	Tahap Skor Min Bagi Ciri-ciri	37
4.3	Skor Min Bagi Kemahiran Berkomunikasi	39
4.4	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 1	40
4.5	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 2	41
4.6	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 3	41
4.7	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 4	42
4.8	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 5	42
4.9	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 6	43
4.10	Skor Min Bagi Kemahiran Berfikir	44
4.11	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 7	45
4.12	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 8	46
4.13	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 9	46
4.14	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 10	47
4.15	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 11	47
4.16	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 12	48
4.17	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 13	49
4.18	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 14	49
4.19	Skor Min Bagi Kemahiran Merancang dan Mentadbir	50
4.20	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 15	51

4.21	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 16	52
4.22	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 17	52
4.23	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 18	53
4.24	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 19	54
4.25	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 20	54
4.26	Skor Min Bagi Bermotivasi	55
4.27	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 21	56
4.28	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 22	57
4.29	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 23	57
4.30	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 24	58
4.31	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 25	58
4.32	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 26	59
4.33	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 27	59
4.34	Skor Min Bagi Ilmu Dalam Bidang Keusahawanan	60
4.35	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 28	61
4.36	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 29	62
4.37	Kekerapan dan Peratus Jawapan Responden Berdasarkan Item 30	62
4.38	Ciri-ciri Usahawan Pelatih IKM	63



## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	8
6.1	Kronologi Penghasilan Produk	79

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	86
B	Pengesahan Borang soal Selidik	87
C	Pekali Kebolehpercayaan Kajian Rintis	88
D	Produk – Senarai Semak	89

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Masyarakat yang mempunyai paling ramai usahawan merupakan masyarakat yang terbaik. Ini kerana usahawan merupakan individu yang dinamik, kreatif dan inovatif. Mereka bersedia untuk berhadapan dengan cabaran dan dugaan melalui kreativiti dan kesungguhan untuk mencapai kejayaan. Tidak dapat dinafikan lagi, usahawan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Menurut Barjoyai Bardai (2000), masyarakat yang terbaik merupakan masyarakat yang mempunyai paling ramai usahawan. Ini kerana usahawan dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Usahawan merangka cara-cara untuk menyatukan tenaga manusia dengan modal dan tanah bagi menghasilkan kerja dengan secepat-cekapnya serta mengenalpasti peluang-peluang dan kegiatan yang sesuai dengan keadaan tenaga kerja.

Menurut Khaairudin Khalil (1996), usahawan adalah orang yang merancang, memulakan dan meneraju sesebuah perniagaan atau perusahaan. Usahawan juga merupakan orang yang bertanggungjawab untuk memajukan perniagaan yang diceburinya, menggabungkan modal, sumber fizikal dan tenaga pekerja dengan cara yang baru dan inovatif.

Kelangsungan daripada itu, menurut Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Datuk Mohd Salleh Abdul Majid (2000), bidang keusahawananlah yang bakal meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian sepenuhnya menjelang tahun 2020. Ramai usahawan diperlukan terutamanya usahawan Melayu untuk merealisasikan cita-cita dan impian ini.

Sepanjang tahun 1996, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah berjaya mengeluarkan tenaga mahir dan separuh mahir seramai 12,181 orang menerusi program latihan di Institut Kemahiran Mara (IKM). Sehubungan dengan itu, usaha untuk terus melahirkan usahawan berjaya perlu dipergiatkan dengan memberi galakan melalui latihan dan pendidikan keusahawanan bagi membantu mereka menyediakan diri menghadapi suasana perniagaan yang mencabar.

Daripada keterangan di atas, dapatlah difahami bahawa setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi usahawan. Pada hakikatnya, dunia keusahawanan bukanlah suatu kerjaya yang boleh dibuat secara main-main. Ia merupakan suatu kerjaya yang perlu dipandang berat sekiranya ingin berjaya.



## 1.2 Latar Belakang Masalah

Seorang usahawan ialah seorang yang sentiasa terdorong untuk mengeluarkan sesuatu yang bernilai faedah dan mempunyai ciri-ciri pembaharuan. Untuk membangunkan usahawan, pemupukan semangat ingin mencapai kejayaan harus ada pada diri setiap individu. Menurut Barjoyai Bardai (2000), ciri-ciri yang menentukan kemampuan seorang usahawan adalah berilmu, berkemahiran, kreatif, dan sedia menghadapi risiko

Lantaran itu, menurut Mohd Rizal Mohamad, (2000), negara membangun seperti Malaysia memerlukan usahawan-usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang mendapat kemahiran daripada pusat-pusat latihan kemahiran bagi membantu negara dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan keluaran negara kasar, penciptaan peluang-peluang pekerjaan, memberikan sumbangan dalam usaha untuk meningkatkan tabungan negara dan mewujudkan agihan pendapatan yang lebih baik kepada penduduk sekaligus mengurangkan jurang kemiskinan.

Bagi memastikan belia tidak hanya bergantung kepada kerja makan gaji, kerajaan telah menubuhkan pusat-pusat kemahiran untuk memberikan latihan insentif kepada belia-belia Bumiputera khususnya. Antara pusat-pusat latihan itu ialah Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Pusat Kemahiran Teknologi Tinggi (ADTEC).

Usaha kerajaan ini disokong oleh pelbagai program perniagaan dan keusahawanan anjuran pelbagai agensi termasuklah Kementerian Pembangunan Usahawan, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pusat Pembangunan Usahawan Semalaysia (MEDEC) dan lain-lain lagi. Semua agensi yang diwujudkan ini bermatlamat untuk melahirkan usahawan yang berilmu, berkaliber, berketrampilan serta mempunyai ilmu pengurusan dan keusahawanan yang tinggi. Menerusi kursus yang dianjurkan oleh pelbagai agensi ini, diharapkan para usahawan atau calon

peniaga memperolehi pengetahuan berkenaan dengan dunia perniagaan serta mampu untuk mengendalikan perniagaan yang dijalankan. Ini kerana menurut Prof. Madya Dr. Hj. Razmi Chik selaku ketua MEDEC, bakal usahawan boleh dibentuk dan dibangunkan sekiranya mereka dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, diterap dengan ketrampilan dan dimantapkan dengan nilai dan sikap serta khidmat sokongan (Salaudin Ahmad (2001).

Apa yang kita lihat dewasa ini, bidang keusahawanan kurang diminati oleh belia-belia kerana kurang mendapat pendedahan. Golongan muda hari ini keberatan untuk memilih bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya. Mereka masih beranggapan bahawa bidang ini tidak dapat memberikan jaminan masa depan seperti mana yang boleh diperolehi jika bekerja di sektor awam mahupun swasta. (Yep Putih, 1985)

Walau bagaimanapun, menurut Barjoyai Bardai (2000), kurangnya minat dalam bidang keusahawanan kerana belia kurang penghayatan konsep dan falsafah keusahawanan. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa kurangnya minat dikalangan belia untuk menceburi bidang keusahawanan kerana mereka tidak menyedari akan kelebihan yang diberikan oleh Tuhan kepada mereka dengan memiliki ciri-ciri usahawan yang sedia ada yang merupakan satu “bonus” untuk menjadi usahawan.

Ada di antara para usahawan menganggap mereka telah pakar dan mahir mengenai bidang perniagaan, sedangkan ilmu yang dimiliki itu masih cetek bagi menjalankan perniagaan yang berdaya maju. Ini disokong oleh Iskandar Abdullah (1991) yang mengatakan bahawa kemahiran pengurusan (mengurus) di kalangan pengusaha kecil masih lagi di tahap yang rendah terutamanya dalam aspek menguruskan kewangan.

Pemilihan kerjaya merupakan satu tugas yang penting kerana kerjaya yang akan menentukan masa depan seseorang. Individu akan mempelajari peluang-peluang yang ada serta menentukan corak kerjaya yang akan diceburi dan mencorakkan kehidupan dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu, ketiadaan ciri-ciri keusahawanan menyebabkan seseorang itu tidak dapat memberikan komitmen sepenuhnya dalam kerjaya ini. Atas sebab inilah, maka kajian dibuat untuk meninjau ciri-ciri yang mempengaruhi pelatih aliran kemahiran untuk menjadi usahawan. Ini kerana pelatih-pelatih ini sudah mempelajari kemahiran-kemahiran yang tertentu di Institut Kemahiran Mara dan bakal memasuki arena pekerjaan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Krisis ekonomi yang melanda dunia pada tahun 1997 telah memberikan impak yang besar kepada Malaysia terutamanya dari segi peluang pekerjaan. Ramai yang dibuang kerja walaupun mereka berkemahiran. Namun begitu peluang pekerjaan dalam bidang keusahawanan masih terbuka luas. (Wan Noor Elyana Wan Mohamed, 2002).

Sehubungan itu, menurut Timbalan Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, Abdul Rahman Husin, pembangunan dan hala tuju usahawan terus diberi penekanan di dalam Rancangan Malaysia ke – 8 dengan peningkatan dan pemantapan program Keusahawanan sedia ada serta pendekatan dasar baru, strategi dan program baru yang bertujuan untuk mempercepatkan pencapaian matlamat masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Lantaran itu, pusat-pusat kemahiran diwujudkan untuk melatih pelatih-pelatih supaya mahir dalam bidang tertentu. (Sitti Nor Azizah Talata dan Shamsul Kamal Amarudin, 2001).

Institut Kemahiran Mara (IKM) merupakan salah satu daripada pusat latihan yang dibina untuk merealisasikan hasrat tersebut dimana tujuan latihan kemahiran diberikan adalah untuk membentuk pelatih-pelatih ke arah penwujudan usahawan secara elektif dengan cara memberikan latihan urusan perniagaan di samping latihan perniagaan. Sebagai contoh, pelatih akan diberikan latihan kemahiran dalam bidang-bidang Kejuruteraan Awam seperti kerja paip, kerja kayu, kemas lantai dan sebagainya. Walau bagaimanapun, seperti yang diketahui jumlah penyertaan pelatih yang majoritinya Bumiputera dalam bidang keusahawanan masih rendah. Sehingga sekarang, segala usaha oleh pihak kerajaan untuk memajukan golongan ini belum begitu berjaya.

Menyedari betapa pentingnya usahawan dalam kemajuan negara, maka pengkaji berminat untuk mengkaji sejauhmana pelatih IKM mempunyai ciri-ciri yang dapat mempengaruhi seseorang untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Pengkaji juga meninjau dan mengukur tahap kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran merancang dan mentadbir, motivasi dan ilmu dalam bidang keusahawanan.

#### **1.4 Persoalan Kajian :**

Kajian dibuat untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan berikut:

- 1.4.1 Sejauhmanakah tahap kemahiran berkomunikasi yang dimiliki oleh pelatih IKM?
- 1.4.2 Sejauhmanakah tahap kemahiran berfikir yang dimiliki oleh pelatih IKM?
- 1.4.3 Sejauhmanakah tahap kemahiran merancang dan mentadbir yang dimiliki oleh pelatih IKM?
- 1.4.4 Sejauhmanakah tahap motivasi yang dimiliki oleh pelatih IKM?

- 1.4.5 Sejauhmanakah tahap ilmu dalam bidang keusahawanan yang dimiliki oleh pelatih IKM?
- 1.4.6 Sejauhmanakah pelatih mempunyai ciri-ciri yang mempengaruhi mereka untuk menjadi seorang usahawan?


## 1.5 Objektif Kajian

1. Menilai tahap kemahiran berkomunikasi pelatih IKM.
2. Menilai tahap kemahiran berfikir pelatih IKM.
3. Menilai tahap kemahiran merancang dan mentadbir pelatih IKM.
4. Menilai tahap motivasi pelatih IKM.
5. Menilai tahap ilmu dalam bidang keusahawanan pelatih IKM.
6. Menilai sejauhmana pelatih IKM Lumut mempunyai ciri-ciri untuk menjadi seorang usahawan.

## 1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada ciri-ciri berkomunikasi, menguruskan perniagaan, rangsangan atau sokongan, pengetahuan sedia ada mengenai keusahawanan dan kemahiran berfikir.

## 1.7 Kerangka Teori Kajian



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

### Penerangan Kerangka Teori

Kerangka teori yang dihasilkan (Rajah 1.1) adalah berdasarkan kepada pengubahsuaian faktor-faktor pendorong terhadap minat yang mempengaruhi kerjaya keusahawanan yang dinyatakan oleh Wan Noor Elyana Wan Mohamed (2002). Kemahiran komunikasi seperti bijak membuat perundingan merupakan antara komponen penting yang menjurus ke arah memiliki ciri-ciri seorang usahawan. Kemahiran berfikir seperti suka menjana idea-idea baru merupakan antara ciri-ciri utama seorang usahawan. Di samping itu, memiliki kemahiran merancang dan mentadbir juga mempengaruhi diri menceburi bidang keusahawanan. Motivasi yang wujud dalam diri pelatih merupakan antara aspek penting yang mempengaruhi seseorang pelatih itu mempunyai ciri-ciri seorang usahawan selain daripada ilmu

asas keusahawanan . Ciri-ciri ini akhirnya akan mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelatih.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat membantu :

### (i) Pelajar

Kajian dapat membantu dalam memberikan pendedahan tentang ciri-ciri seorang usahawan sebagai pendedahan awal menjadi usahawan dan seterusnya dalam membuat keputusan untuk terlibat dalam bidang keusahawanan.

### (ii) Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar adalah mereka yang bertanggungjawab untuk menanamkan minat dan mendedahkan pelajar dengan ciri usahawan sebagai satu persediaan dalam memasuki alam pekerjaan. Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada mereka untuk menganjurkan seminar, kursus atau bengkel bagi memperlengkapkan usahawan dengan ciri-ciri keusahawanan.

### (iii) Agensi yang Berkaitan

Terdapat pelbagai agensi yang berkaitan yang terlibat dalam memberi latihan dan pembangunan usahawan seperti MEDEC dan MARA. Kajian ini memberikan inisiatif kepada mereka yang terbabit dalam latihan keusahawanan khususnya dapat membekalkan maklumat yang mencukupi sebelum seseorang itu terlibat dalam bidang ini.

### 1.9 Batasan Kajian

- (i) Kajian ini tertumpu kepada pelatih-pelatih semester akhir kursus Teknologi Kejuruteraan Awam (Bangunan) di Institut Kemahiran Mara (IKM) Lumut, Manjung Perak Darul Ridzuan yang akan menamatkan pengajian mereka dan akan menceburkan diri dalam arena pekerjaan.
- (ii) Dalam kajian ini, ciri-ciri usahawan di kalangan pelatih yang akan dikenalpasti adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir, merancang dan mentadbir, bermotivasi dan ilmu dalam bidang keusahawanan.
- (iii) Pemilihan IKM Lumut kerana ia menawarkan kursus latihan yang berkaitan dengan Kejuruteraan Awam.
- (iv) Kajian ini menggunakan borang soal selidik. Oleh itu dapatan kajian ini bergantung sepenuhnya kepada jawapan responden dalam menjawab setiap soalan yang diberikan. Ketepatan kajian ini bergantung kepada keterbukaan responden dalam menjawab soal selidik dengan ikhlas dan jujur.
- (v) Kajian ini melibatkan satu IKM sahaja memandangkan masa yang agak terhad serta keadaan kos yang tinggi.



## RUJUKAN

Ab Aziz Yusof (2001). "Usahawan dan Keusahawanan : Satu Penilaian. Universiti Utara Malaysia." Penerbit Prentice Hall.

Adnan Alias (1992). "Asas Keusahawanan ." Kuala Lumpur : Ampang Press

Adnan Alias dan Azizan Abdullah (1997). "Kualiti Sebagai Orientasi dan Strategi Perniagaan." Penerbit MEDEC : Selangor.

Barjoyai Bardai (2000). Keusahawanan dan Perniagaan." Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chamsuri Siwar dan Mohd Yusof Kasim (1992). "Ekonomi Bumiputera Selepas 1990." Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Datuk Mohd Salleh Abdul Majid (2000). "Kuasa Minda Tentukan Kelangsungan Usahawan." *Berita Harian*. 22 Ogos 2000.

Dr. Rohaizat Baharun (2001). "Kepuasan Pengguna Tanggungjawab Usahawan." *Dewan Ekonomi*. Ogos 2001. m.s. 11-12.

Esa Mohd Hadi (1992). "Pelan Induk Budaya Keusahawanan." Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fatin Diana Zakaria (1999). "Sejauhmanakah Faktor Motivasi Menjadi Pendorong Bagi Usahawan Wanita Mengekalkan Pekerjaan IKS." UUM. Tesis Sarjana.
- Hasbullah Bin Ibrahim (2001). "Kajian Terhadap Kemahiran Berfikir dan Gaya Pembelajaran di Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal Tahun 2 Sesi 2001/2002 di KUiTTHO. Batu Pahat. KUiTTHO. Tesis Sarjana.
- Iskandar Abdullah (1991). "Keperluan Pengusaha-pengusaha Perindustrian Kecil." Dalam. Usahawan Malaysia (Nov. 1991). Batu Caves: Penerbit Pustaka Wira Sdn. Bhd.
- Izlin Zuraini Ishak (2002). "Kualiti Pensyarah Politeknik Lulusan Sarjana Pendidikan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)." Batu Pahat : KUiTTHO. Tesis Sarjana.
- Khaairudin Khalil (1996). "Keusahawanan Sebagai Kerjaya." Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masriani Mansor (2001). "Tinjauan Terhadap Faktor-faktor yang Berkaitan Pemilihan Kerjaya Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat." Batu Pahat : KUiTTHO. Tesis Sarjana.
- Mohamad Najib (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor: UTM.
- Mohd Rizal Mohamad (2000). "Industri Kecil dan Sederhana: Landasan Pembangunan Usahawan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nordin Abdul Malek (2001). "Faktor Kejayaan – Modal Atau Keusahawanan?" Usahawan Sukses. Mac-April 2001. m.s/ 56-57.
- Norela Nuruddin dan Siti Zahrah Buyong (1997). "Rancangan Kewangan." Keusahawanan. Penerbit MEDEC : Selangor

Norhaizan Bekri @ Othman (1996). "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Program Keusahawanan di Universiti dan Seterusnya Melahirkan Siswazah Usahawan: Kajian Kes di Universiti Utara Malaysia (UUM). Terbitan UUM. Tesis Sarjana.

Oosterhof, A (1999). "Developing and Using Classroom Assessments." 2<sup>nd</sup> Edition. New Jersey : Prentice Hall

Pragg dan Ophem (1995). "Determinants of Willingness and Opportunity to Start an Entrepreneur." *Kyklos*. 513-514

Saludin Ahmad (2001). "MEDEC Lahirkan Usahawan Berilmu." *Usahawan Sukses*. September-Oktober 2001. m.s. 34-35.

Sitti Nor Azizah Talata dan Shamsul Kamal Amarudin (2001). "Program Pembangunan Usahawan Diselaras." Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001.

Suria Md Yusop (2000). *Keusahawanan Sebagai Satu Kerjaya: Satu Tinjauan di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Kuittho*. Batu Pahat : KUiTTHO. Tesis Sarjana.

Tengku Khairi A. Rahman (2000). "Mengenal Identiti Usahawan Berwibawa." *Usahawan Sukses* : Januari-Februari 2000. m.s. 60-61

Sekaran, U (1992). "Research Methods For Business. A Skill Building Approach". John Wiley & Sons, Inc. 2<sup>nd</sup> Edition.

Urlacher, L.S. ( 1999). " Small Business Entrepreneurship: An Ethics and Human Reactions Perspective." Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.

Wan Liz Ozman Wan Omar dan Sulzari Mohamed (2002). "Memperkasakan Usahawan : Panduan Lengkap Pengurusan Perniagaan dan Penjanaan Usahawan." Edisi Pertama. Selangor : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Wan Noor Elyana Wan Mohamed (2002). "Keusahawanan Sebagai Kerjaya : Hubungan Faktor-faktor Pendorong Terhadap Minat dan Kecenderungan Pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Se Malaysia." Batu Pahat : KUiTTHO. Tesis Sarjana

Yep Putih (1985). Keusahawanan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH